

Kajian Tentang Amalan Tabarruk Dengan Orang Soleh

Nisa Syakirah Binti Hishamudin (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 01111705946 E-Mail: nisasyakirah@raudah.usim.edu.my

Nor Firzana Binti Mohamad Sirat

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 60133686645 E-Mail: norfirzana01@raudah.usim.edu.my

Dr. Mesbahul Hoque

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: 601111833350 E-Mail: mesbahul@usim.edu.my

Abstrak

Tabarruk merupakan amalan mengharapkan keberkatan daripada Allah melalui sesuatu yang mulia. Pengamalan tabarruk atau mengambil berkat ini telah menjadi sebahagian dari amalan segelintir masyarakat Islam. Kajian ini membincangkan tentang pengamalan mengambil berkat khususnya terhadap ulama dan orang soleh yang telah menjadi suatu ikutan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Namun, permasalahan ini sering menjadi perbincangan yang kadangkala menimbulkan perselisihan antara umat, ada yang menegah dan mengatakan ianya perbuatan bid'ah. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pendapat ulama yang menerima dan menolak amalan tabarruk terhadap orang soleh dan mengenal pasti pendapat yang paling rajih atau benar berkenaan pengamalan ini. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan metodologi kajian melalui analisis kandungan seperti artikel, jurnal dan buku. Hasil kajian ini mendapati bahawa berdasarkan hadis-hadis Nabi dan pendapat ulama yang rajih menunjukkan bahawa mengambil berkat dari ulama atau orang yang soleh adalah dibenarkan dengan iktiqad bahawa tiada apa-apa kuasa kebergantungan selain daripada Allah SWT. Tambahan pula, tabarruk adalah amalan yang mempunyai sandaran dari perbuatan Nabi Muhammad SAW, para sahabat, salaf dan ulama' muktabar.

Kata Kunci: *Tabarruk, Orang Soleh, Bid'ah.*

Pendahuluan

Islam sebagai salah satu agama terbesar di dunia yang mempunyai sejarah yang panjang dalam asal usul dan perkembangannya. Bertitik tolak daripada revolusi besar yang dilakukan oleh

Nabi Muhammad SAW, Islam berkembang menjadi budaya global di samping aspek keagamaan yang sarat dengan ajaran kebaikan. Dewasa ini, Islam telah tersebar ke berbagai belahan dunia, dan mempunyai ajaran asas yang mendasari kehidupan beragama penganutnya. Ajaran asas ini terkandung dalam dua rukun Islam yang utama iaitu al-Quran dan Hadis.

Namun, perubahan zaman serta perjuangan Islam dengan budaya masyarakat setempat telah melahirkan sesuatu yang baharu di mana syariat Islam akan berinteraksi dengan budaya tempatan untuk meraikan kemaslahatan kemanusiaan. Maka lahirlah isu-isu baru, sama ada dalam aspek adat, ibadah, mahupun transaksi yang tidak diterangkan secara terperinci oleh Rasulullah SAW dan para sahabat generasi terdahulu. Justeru itu timbul persoalan tentang beberapa amalan yang dilakukan oleh masyarakat hari ini yang tidak diamalkan oleh golongan terdahulu. Adakah suatu inovasi itu dilarang dan perlu ditinggalkan?

Islam adalah agama yang mementingkan isu akidah dan kerosakannya. Penerimaan amalan itu bergantung kepada cara pelaksanaannya sama ada menepati kehendak syarak atau bercampur dengan unsur-unsur yang bercanggah dengan prinsip akidah. Oleh itu, segala bentuk khurafat sama ada dalam bentuk amalan atau kepercayaan yang boleh membawa kepada syirik adalah tertolak dan dianggap bertentangan dengan ajaran Islam.

Pengertian Tabarruk

Tabarruk berasal dari perkataan (البركة) yang bermaksud keberkatan, yang mempunyai kaitan dengan perkataan berkat. Pengertian *al-Barakah* disebut sebagai kebaikan yang melimpah, manakala *al-Tabarruk* membawa makna mengambil keberkatan.²²² Tabarruk ialah perbuatan mencari barakah melalui pengaruh orang-orang yang dianggap suci, seperti Nabi, wali, ulama' dan sebagainya yang diakui melalui perantaraannya mampu membawa kebaikan.²²³ Di dalam al-Quran, istilah *barakah* banyak disebut, antaranya:

*Maha Suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Al Masjidil Haram ke Al Masjidil Aqsa yang telah Kami berkahi sekelilingnya agar Kami perlihatkan kepadanya sebahagian dari tanda-tanda (Kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.*²²⁴ (Al-Qur'an 17:1)

Allah SWT juga berfirman di dalam Surah Ad-Dukhan, ayat 3:

*Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab).*²²⁵ (Al-Qur'an 44:3)

²²² Khadijah Kamaruddin, Azhar Abdul Rahman & Nur Fadlina Mat Dal (2022) *Konsep Tabarruk Dalam Perbahasan Islam*. 14.

²²³ Deden Hidayaturochman (2004) *Hadis Hadis Tentang Tabarruk (Studi Ma'an Al Hadis)*.

²²⁴ Surah Al-Isra', 17:1.

²²⁵ Surah Ad-Dukhan, 44:3.

Dari segi bahasa, keberkatan itu diambil dari berkat, dan orang yang diberkati adalah orang yang meminta bukti kebenarannya atau untuknya, ada yang mengatakan bahawa keberkatan itu seperti kolam unta, iaitu tetap pada tempatnya, dan berkat dipanggil kolam kerana ia mengumpul banyak air di dalamnya, dan manusia yang mencari keberkatan adalah yang mencari pertambahan dan pertumbuhan, kerana berkat itu adalah pertambahan dalam kebenaran. Secara istilah, keberkatan adalah bertambahnya kebaikan dalam semua perkara, dan nikmat adalah anugerah Allah SWT yang membawa kebaikan kepada kehidupan manusia.²²⁶ Keberkatan itu berada di tangan Allah, dan bukan di manusia, Allah SWT memberikannya kepada siapa yang Dia kehendaki dan menahannya dari siapa yang Dia kehendaki, maka tidak ada yang memilikinya kecuali Allah SWT, tidak pula Rasul Allah, dan tidak pula Jibril, kerana yang memiliki nikmat itu ialah Allah SWT yang berkemampuan atas segala sesuatu. Antara sifat pemurah Allah SWT, Dia menyediakan keberkatan untuk hamba-Nya. Bagi memperoleh keberkatan itu, manusia perlulah berusaha mendapatkannya sama ada dengan berdoa memohon kepada Allah SWT secara langsung, melaksanakan amalan baik tertentu atau dengan meraih keberkatan yang Allah SWT letakkan kepada makhluk-Nya, iaitu dengan bertabarruk. Melalui mana-mana cara berkenaan, dengan izin Allah SWT, manusia akan beroleh keberkatan daripada-Nya.²²⁷

Jenis-Jenis Tabarruk

Pertama: Tabarruk dengan sesuatu peninggalan yang mulia

1. Baitullah (Ka'bah)

Di dalam Surah Ali Imran, Allah SWT mengklasifikasikan tentang rumah-Nya yang sentiasa diberkati:

*Sesungguhnya rumah yang mula-mula dibangun untuk (tempat beribadat) manusia ialah Baitullah yang berada di Bakkah (Makkah) yang diberkati dan menjadi petunjuk bagi semua manusia.*²²⁸ (Al-Qur'an 3:96)

2. Maqam Nabi Ibrahim AS

Allah SWT memerintahkan agar lokasi yang dulu menjadi tempat Nabi Ibrahim AS berada saat mendirikan Baitullah, dijadikan sebagai tempat untuk melaksanakan solat, serta menganggap maqam tersebut sebagai salah satu tanda-tanda jelas Allah SWT di Baitullah. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah, ayat 125:

*Dan ingatlah, ketika Kami menjadikan rumah itu (Baitullah) sebagai tempat berlindung bagi manusia dan tempat yang aman. Dan jadikanlah sebahagian dari maqam Ibrahim itu tempat solat.*²²⁹ (Al-Qur'an 2:125)

3. Air Zamzam

²²⁶ Muhamad Rijal Zaelani (2022) *Konsep Berkah Dalam Pandangan Ahlussunnah: Analisis Syarah Hadis Tentang Tabarruk*. 238.

²²⁷ <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/02/807387/cara-raih-keberkatan-daripada-allah-swt>

²²⁸ Surah Ali-Imran, 3:96

²²⁹ Surah Al-Baqarah, 2:125.

Nabi SAW pernah bersabda dalam satu hadisnya yang menjelaskan tentang keutamaan air zamzam walaupun pada zahirnya ia sama seperti air-air yang lain. Nabi SAW bersabda: “*Air zamzam itu menyampaikan segala hajat apabila diminumnya.*” (Sunan Ibn Majah)²³⁰

Kedua: Tabarruk dengan tempat ibadah

Tabarruk dengan tempat ibadah melibatkan mengambil keberkatan dan manfaat melaksanakan ibadah di masjid atau tempat-tempat suci sebagaimana dianjurkan oleh Allah dan Rasul-Nya seperti bersolat di Masjidil Haram, Masjid Nabawi, Masjidil Aqsa dan juga di masjid-masjid yang pernah Nabi SAW mendirikan solat.

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda: “*Janganlah kamu bersusah payah mengembara (atau bermusafir bagi tujuan ibadah) melainkan pada tiga buah masjid iaitu masjid al-Haram, masjid Rasulullah SAW dan juga masjid al-Aqsa.*” (Riwayat Bukhari)²³¹

Dari Ibnu Umar RA: Sesungguhnya Nabi SAW datang ke masjid Quba pada setiap hari Sabtu berkenderaan atau berjalan kaki. Adalah Abdullah RA. pun melaksanakannya. (Riwayat Bukhari)²³²

Ketiga: Bertabarruk dengan ayat-ayat al-Quran

Al-Quran mempunyai keberkatan kerana ia mengandungi kebaikan dunia dan akhirat. Ia telah menjadi teladan bagi umat Islam bertabarruk dengan ayat-ayat al-Quran bagi mengharapkan limpahan barakah yang ada pada ayat-ayat tersebut. Rasulullah SAW juga menggalakkan membaca beberapa surah-surah dari al-Quran untuk keadaan tertentu.

Dari Aishah RA, beliau berkata: “Sesungguhnya Rasulullah SAW apabila sakit, baginda membaca surah-surah Muawwidzat pada dirinya dan meniup. Maka apabila sakitnya itu bertambah, maka saya yang membacakannya dan saya usapkan pada tangan baginda dengan mengharapkan barakah dari muawwidzat itu.” (Riwayat Bukhari)²³³

Keempat: Bertabarruk dengan orang soleh

1. Bertabarruk dengan mencium tangan orang soleh

Mencium tangan adalah amalan yang menzahirkan rasa penghormatan dan kasih sayang. Dan jika kita meneliti realiti dan kembali kepada sunnah dan athar para sahabat, kita akan mendapati bahawa mencium tangan para ulama’, orang-orang soleh dan kedua ibu bapa adalah sesuatu

²³⁰ Sunan Ibn Majah, Abu Abdullah Muhammad bin Yazid Ar-Rabi’ bin Majah, No 3062.

²³¹ Sahih Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail, No. Hadis 1189.

²³² Sahih Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail, No. Hadis 1193.

²³³ Sahih Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail, No. Hadis 5016.

yang disyariatkan dan juga sebagai bertabarruk dengan kemuliaan yang ada pada mereka justeru menambahkan lagi rasa penghormatan dan mahabbah terhadap mereka.

Dari Safwan Bin Assal, dia berkata: “Seorang Yahudi berkata kepada temannya: “Mari kita pergi kepada Nabi itu.” Lalu mereka datang kepada Rasulullah SAW dan bertanya tentang sembilan ayat yang nyata, dan seterusnya sampai dikatakan: Lalu keduanya mencium tangan dan kaki Rasulullah SAW, seraya berkata: “Kami bersaksi bahawa engkau adalah Nabi Allah.” (Riwayat Al-Tirmidhi dan selainnya dengan sanad yang sahih)²³⁴

Kesimpulannya, sekiranya ada di antara beberapa sahabat yang mencium bau kaki Rasulullah SAW dan tangannya dalam suatu keadaan, maka itu adalah dalil yang baik tentang harusnya mencium tangan dan kaki orang alim, orang-orang yang dihormati, dan orang-orang yang soleh.

2. Menziarahi maqam orang soleh

Menziarahi orang soleh tidak seharusnya dilakukan ketika mereka masih hidup, bahkan setelah meninggal dunia juga masih ada tuntutan menziarahi kubur golongan tersebut. Menziarahi kubur mampu mengingatkan kita kepada hari akhirat, mendapat iktibar dan diberi ganjaran pahala kerana ia merupakan sunnah.

Imam al-Zahabi menyebut, doa di kubur Nabi dan orang soleh adalah antara doa yang mustajab dengan syarat diperbetulkan akidah iaitu memohon kepada Allah SWT dan hanya mengambil keberkatan daripadanya.²³⁵ Nabi SAW bersabda: *Dulu aku pernah melarang kalian untuk ziarah kubur. Sekarang, silakan ziarah kerana sungguh ziarah kubur dapat membuat kalian zuhud di dunia dan dapat mengingatkan kalian kepada akhirat.*” (Riwayat Ibnu Majah)²³⁶

3. Meminta doa dari orang soleh

Dalam sebuah hadis yang panjang dalam menceritakan perihal Uwais bin ‘Amir Al-Qarani, Rasulullah SAW berkata kepada Saidina Umar RA: *“Sekiranya kamu mampu untuk meminta dia (Uwais Al-Qarani) beristighfar (mendoakan keampunan) buat diri kamu maka lakukanlah.”* (Riwayat Muslim)²³⁷ Berdasarkan hadis ini, Uwais Al-Qarni disifatkan oleh Rasulullah SAW sebagai seorang lelaki yang sangat baik dan taat kepada ibunya. Ini menandakan dirinya merupakan seorang yang soleh meski tidak tergolong dalam kalangan para sahabat Nabi. Justeru, Nabi SAW memberikan panduan kepada Umar sekiranya ada peluang berjumpa dengan Uwais, maka mintalah Uwais mendoakan keampunan Allah buat diri Umar.²³⁸ Inilah petunjuk jelas yang menggambarkan anjuran kepada perbuatan meminta doa dari orang-orang soleh serta dalil keharusan amalan ini.

²³⁴ Sunan Al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad At-Tirmidhi, No. Hadis 2733.

²³⁵ <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20161020/281968902217164>

²³⁶ Sunan Ibn Majah, Abu Abdullah Muhammad bin Yazid Ar-Rabi' bin Majah, No 1571.

²³⁷ Sahih Muslim, Muslim Ibn al-Hajjaj al-Nisaburi, No. Hadis 2542.

²³⁸ Mufti Wilayah Persekutuan, *Al Kafi #1035: Hukum Minta Orang Soleh Doakan.*

Begitu juga sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA beliau berkata: *Umar bin Al-Khattab apabila berlakunya kemarau meminta kepada Abbas bin Abd al-Muthalib untuk meminta hujan (kepada Allah). Lalu Umar berkata: "Ya Allah, kami dahulunya bertawassul kepada-Mu dengan Nabi kami lalu Kau menurunkan hujan kepada kami. Sesungguhnya sekarang kami bertawassul dengan bapa saudara Nabi kami maka turunkanlah hujan kepada kami."* (Riwayat al-Bukhari)²³⁹ Riwayat tersebut menunjukkan bahawa Saidina Umar RA menjadikan doa orang soleh iaitu Al-Abbas bin Abd al-Muthalib sebagai wasilah (perantaraan) antara dirinya dengan Tuhan. Dari sudut Saidina Umar meminta kepada Al-Abbas agar berdoa kepada Allah supaya hujan diturunkan.²⁴⁰

Pendapat Ulama' Mengenai Amalan Tabarruk Dengan Orang Soleh

Terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama' mengenai hukum bertabarruk dengan orang soleh. Sebahagian ulama' berpandangan bahawa hukumnya adalah harus manakala sebahagian lagi tidak membenarkannya.

Pertama: Ulama' yang melarang amalan bertabarruk dengan orang soleh

Sebahagian ulama' melarang amalan bertabarruk dengan orang soleh seperti Ibnu Rajab al-Hanbali dan al-Shatibi:

Imam al-Shatibi dalam kitabnya "Al I'tisom", berpendapat bahawa:

1. Para sahabat tidak pernah melakukan amalan tabarruk dengan orang soleh.

Imam Al-Shatibi menyatakan dalam kitab beliau "Al I'tisom" bahawa tiada khabar yang sahih bahawa para sahabat bertabarruk kepada orang soleh selain Nabi SAW setelah baginda wafat, walaupun Abu Bakar As-Siddiq, salah seorang sahabat Nabi SAW yang mulia kerana beliau merupakan pengganti Nabi SAW, namun para sahabat tidak pernah bertabarruk kepada beliau. Malah, para sahabat juga tidak pernah bertabarruk kepada Umar bin al-Khattab, walaupun beliau merupakan manusia yang paling mulia setelah Abu Bakar. Para sahabat juga tidak pernah bertabarruk kepada Uthman bin Affan, Ali bin Abi Talib, mahupun salah seorang dari sahabat Nabi walhal mereka adalah orang-orang yang paling mulia dari seluruh umat.²⁴¹

2. Tabarruk adalah khusus untuk Nabi SAW.

Para sahabat bersepakat untuk tidak bertabarruk kepada orang soleh selain Nabi SAW kerana mereka meyakini bahawa perbuatan tersebut khusus bagi Nabi SAW dan tidak berlaku kepada sesiapa selain baginda, sebagaimana kekhususan ini juga berlaku kepada para Nabi yang lain. Allah SWT memberikan keistimewaan kepada para Nabi dan Rasul, yang tidak diberikan kepada selain mereka. Antara pengkhususan tersebut adalah keberkahan yang ada di tubuh dan

²³⁹ Sahih Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail, No. Hadis 1010.

²⁴⁰ Mufti Wilayah Persekutuan, *Al Kafi #1035: Hukum Minta Orang Soleh Doakan*.

²⁴¹ Yulian Purnama (2021) *Hukum Tabarruk Dengan Jasad dan Kuburan Orang Shalih*. 9.

bekas-bekas peninggalan mereka bagi memuliakan mereka.²⁴² Sebagaimana firman Allah SWT:

*Allah lebih mengetahui di mana (dan kepada siapakah yang sepatutnya) Dia berikan jawatan Rasul (dan wahyu) yang diberikanNya itu.*²⁴³

Imam al-Shatibi berkata dalam kitabnya "Al I'tisom" bahawa ia merupakan sesuatu yang pasti terdapat keberkahan dan kebaikan pada diri para Nabi, kerana semua bahagian dari diri mereka adalah cahaya, maka sesiapa yang menginginkan cahaya dari Nabi SAW dia akan mendapatinya dari mana-mana bahagian dari jasad Nabi SAW. Adapun selain daripada Nabi, sekalipun dia memperoleh cahaya hidayah Nabi SAW dengan mengikuti baginda namun mereka masih tidak akan sampai pada kedudukan Nabi SAW. Antara bentuk pengkhususan hanya bagi Nabi ialah Nabi SAW dibenarkan untuk berkahwin lebih dari empat. Kemudian beliau menjelaskan lagi bahawa tidak benar jika seseorang mencontohi tabarruk yang dilakukan oleh para sahabat kepada Nabi lalu diterapkan kepada selain Nabi SAW, dan jika seseorang menirunya, maka itu adalah bid'ah. Sebagaimana bid'ahnya orang yang meniru Rasulullah SAW dengan mengahwini lebih dari empat wanita.

3. Tabarruk dengan orang soleh boleh membawa kepada penyembahan terhadap mereka.

Imam al-Shatibi berkata bahawa sekalipun sebahagian tidak mengkhususkannya bagi Nabi namun mereka melarang untuk mengambil berkat dari selain Nabi kerana ia akan membawa kepada melampaui batas sehingga penyembahan sesama makhluk. Di sisi Imam al-Shatibi mengambil berkat termasuk dalam asal ibadat. Beliau kemudian memberikan contoh bagaimana Saidina Umar pernah memerintahkan untuk memotong pokok yang sahabat berbaiah dengan Nabi dalam peristiwa perjanjian Hudaibiyah kerana dikhuatiri orang ramai akan menyembahnya.²⁴⁴

Imam Ibnu Rajab Al-Hanbali juga merupakan ulama' yang melarang amalan tabarruk dengan orang soleh. Seperti Imam al-Shatibi, Imam Ibnu Rajab Al Hanbali menyatakan dalam sebuah bantahan, beliau melarang umat untuk berlebihan memuja orang soleh dan menempatkan orang soleh sama darjat dengan para Nabi. Menurut Ibn Rajab al-Hanbali sekalipun sahabat bertabarruk barang peninggalan Nabi SAW, namun mereka tidak bertabarruk sesama mereka. Selain itu, tabi'in juga tidak bertabarruk dengan para sahabat walaupun sahabat memiliki kedudukan yang mulia.²⁴⁵

Kedua: Ulama' yang mengharuskan amalan tabarruk dengan orang soleh

²⁴² Ibid.

²⁴³ Surah Al-An'am, 6:124.

²⁴⁴ Mufti Wilayah Persekutuan, *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-730: Amalan Mengambil Berkat (Tabarruk) Menurut Islam*.

²⁴⁵ Yulian Purnama (2021) *Hukum Tabarruk Dengan Jasad dan Kuburan Orang Shalih*. 15.

Pada dasarnya, pengamalan tabarruk dipraktikkan oleh para sahabat, tabi'in, dan para ulama'. Pandangan ulama' muktabar dari kalangan ulama' mazhab fiqh Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali sepakat mengenai keharusan pengamalan tabarruk. Ulama' ahli Sunnah seperti Ibn Hajar al-Asqalani, Imam al-Ghazali, Imam al-Syafie, Imam Nawawi, Imam Ahmad dan Imam Taqiyuddin al-Subki juga membenarkan pengamalan tabarruk.²⁴⁶ Berdasarkan pandangan Ibn Hajar al-Asqalani, bentuk-bentuk tabarruk kepada orang soleh seperti wali-wali Allah adalah seperti tabarruk dengan menziarahi maqam orang soleh dan tabarruk dengan mengambil air untuk didoakan orang soleh. Contoh tabarruk anjuran ulama' antaranya Imam al-Nawawi membolehkan tabarruk dengan lebih makanan orang yang soleh atau menjemput orang soleh untuk memenuhi undangan jamuan makan, dan Imam al-Ghazali menganjurkan perbuatan menziarahi kubur orang soleh.²⁴⁷

Dalam satu riwayat hadis: "*Beberapa orang bayi dibawa kepada baginda lalu Nabi mendoakan keberkatan dan mentahnikkan mereka. Kemudian seorang bayi dibawa kepada Nabi lalu bayi itu terkencing (di atas riba Nabi SAW). Nabi meminta air lalu Nabi membersihkan kencing tersebut tanpa membasuhnya.*" (Riwayat Muslim)²⁴⁸ Imam al-Nawawi ketika menjelaskan makna hadis ini berkata: "Pada hadis ini terdapat beberapa pengajaran, antaranya: mentahnikkan kanak-kanak yang baru lahir dan ia merupakan suatu yang disunatkan berdasarkan ijmak para ulama', antaranya lagi metahnikkan oleh seorang yang soleh sama ada lelaki atau perempuan dan juga mengambil berkat dengan peninggalan, air liur atau apa sahaja daripada orang-orang yang soleh."²⁴⁹

Dalam sebuah riwayat yang lain disebutkan bahawa: "*Ketika Abu Bakar RA dilantik sebagai khalifah beliau menulis surat mengenai kadar zakat, adalah ukiran cincin memiliki tiga baris Muhammad sebaris, Rasul sebaris dan Allah sebaris.*" (Riwayat al-Bukhari)²⁵⁰ Ibn Hajar al-Asqalani dalam hal ini juga berkata: "Hadis ini menunjukkan keharusan menggunakan peninggalan atau memakai pakaian orang soleh untuk tujuan tabarruk dan mengambil kebaikan daripadanya."²⁵¹

As-Syekh Muhammad 'Alwi Al-Maliki Al-Makki Al-Hasany, seorang ulama' Mekah masa kini, di dalam kitabnya *Mafaahim Yajibu an Tusahhah* (Pemahaman-Pemahaman Yang Wajib Dibetulkan), menyifatkan perbuatan tabarruk sebagai harus serta disyariatkan, serta amatlah keliru bagi mereka yang mengatakan bahawa amalan tabarruk ini sebagai bid'ah yang tidak pernah dilakukan Nabi SAW serta para sahabatnya, apatah lagi mengatakan perbuatan tersebut sebagai syirik dan sesat. Beliau menekankan bahawa pengamalan tabarruk dijalankan

²⁴⁶ Khadijah Kamaruddin, Azhar Abdul Rahman & Nur Fadlina Mat Dal (2022) *Konsep Tabarruk Dalam Perbahasan Islam*. 19.

²⁴⁷ Ibid., 20.

²⁴⁸ Sahih Muslim, Muslim Ibn al-Hajjaj al-Nisaburi, No. Hadis 286.

²⁴⁹ Mufti Wilayah Persekutuan, *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-730: Amalan Mengambil Berkat (Tabarruk) Menurut Islam*.

²⁵⁰ Sahih Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail, No. Hadis 3106.

²⁵¹ Mufti Wilayah Persekutuan, *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-730: Amalan Mengambil Berkat (Tabarruk) Menurut Islam*.

berdasarkan kepercayaan atas adanya keistimewaan, kemuliaan dan kelebihan pada amalan tersebut sehinggakan amalan yang suci ini dapat membawa kedekatan kepada Allah SWT. Kekuatan kepercayaan ini dilandaskan dengan iktiqad bahawa setiap kebaikan dan mudharat hanyalah datangnya dari Allah SWT.²⁵²

Pendapat Yang Rajih Mengenai Amalan Tabarruk Dengan Orang Soleh

Dalil-dalil keharusan bertabaruk dengan orang-orang soleh:

1. Al-Quran:

Dan Nabi mereka, berkata lagi kepada mereka: "Sesungguhnya tanda kerajaan Talut itu (yang menunjukkan benarnya dari Allah) ialah datangnya kepada kamu peti Tabut yang mengandungi (sesuatu yang memberi) ketenteraman jiwa dari Tuhan kamu, dan (berisi) sebahagian dari apa yang telah ditinggalkan oleh keluarga Nabi-nabi Musa dan Harun; peti Tabut itu dibawa oleh malaikat. Sesungguhnya peristiwa kembalinya Tabut itu mengandungi satu tanda keterangan bagi kamu jika betul kamu orang-orang yang beriman."²⁵³ (Al-Qur'an 2:248)

Dalam kitab al-Futuh al-Ilahiyyah disebutkan bahawa Bani Israel memiliki sebuah bekas yang akan diletakkan di hadapan mereka ketika mereka ingin berperang. Mereka mengharapkan kemenangan melaluinya. Dalam bekas tersebut mengandungi antaranya serban Nabi Harun AS dan selipar serta tongkat Nabi Musa AS.²⁵⁴ Penafsiran Fakhruddin Ar-Razi tentang ayat tersebut, dalam potongan ayat "yaktiyakum al-tabut fih sakinatun mir rabbikum" maksudnya adalah ketika Bani Israel menemukan Tabut sebagai mukjizat yang mana Tabut menjadi sebab untuk ketenteraman hati dan ketenangan jiwa. Dalam tafsir Ar-Razi "Mafatihul Ghaib", menjelaskan bahawa pengambilan berkat kaum Bani Israel terhadap Tabut iaitu peti yang didalamnya tersimpan barang-barang sakral milik kekasih Allah, Nabi Musa AS. Menurut riwayat peti itu adalah peti di mana Nabi Musa AS sewaktu bayi telah diletakkan oleh ibunya ke sungai Nil, Bani Israel mengambil peti itu sebagai objek untuk mencari berkah (tabarruk), setelah Nabi Musa AS wafat, peti itu disimpan oleh Washi iaitu pemegang wasiat beliau bernama Yusya, di dalamnya tersimpan beberapa peninggalan Nabi Musa AS yang masih berkaitan dengan tanda-tanda kenabian Nabi Musa AS.²⁵⁵

Firman Allah SWT dalam Surah Al-A'raf:

Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya,

²⁵² Ibid.

²⁵³ Surah Al-Baqarah, 2:248.

²⁵⁴ Mufti Wilayah Persekutuan, *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-730: Amalan Mengambil Berkat (Tabarruk) Menurut Islam*.

²⁵⁵ Saiful Rizal (2022) *Konsep Tabarruk Menurut Fakhruddin Ar-Razi Dalam Tafsir Mafatihul Ghaib*. Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Kudus, 53.

*dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.*²⁵⁶ (Al-Qur'an 7:96)

Ayat ini menjelaskan peringatan bagi penduduk negeri-negeri yang beriman dan bertaqwa iaitu melaksanakan perintah Allah dan menjauhi laranganNya, maka Allah melalui makhlukNya melimpahkan keberkatan kepada mereka, iaitu pelbagai kebajikan yang sangat banyak dari langit dan bumi yang menghasilkan kesejahteraan jasmani dan rohani.²⁵⁷

2. Hadis:

Dari Abdullah bin Umar RA, dia berkata: *“Ketika kami sedang duduk-duduk di sisi Nabi SAW, tiba-tiba diberikan beberapa potong buah pohon kurma. Nabi SAW kemudian bersabda: Sesungguhnya ada sebuah pohon yang mengandung barakah seperti barakahnya seorang Muslim. Kemudian Nabi SAW bersabda: Pohon itu ialah pohon kurma.”* (Riwayat al-Bukhari)²⁵⁸

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa kewujudan barakah pada sebuah pokok iaitu pohon kurma yang ditunjukkan oleh Nabi SAW. Tambahan pula, yang lebih penting dari maksud hadis ini ialah kita dapat menyimpulkan bahawa wujudnya *barakah* pada setiap manusia yang dinamakan Muslim. Maka berlandaskan pengertian *barakah* yang berada pada setiap yang suci seperti orang-orang yang menyembahkan diri kepada Allah, maka sudah tentulah orang-orang soleh serta wali-wali Allah mempunyai barakah mereka sendiri.

Walaupun bagaimanapun, Syeikh Ali al-Jumua dalam kitabnya berkata bahawa perbuatan tabarruk adalah harus dilakukan dengan iktiqad bahawa tiada apa-apa kuasa kebergantungan selain daripada Allah SWT. Jika demikian, maka tidak mengapa perbuatan tabarruk tersebut kerana selari dengan hukum alam di mana semua perbuatan dan hasil sesuatu kejadian merupakan sebab dan akibat daripada Allah SWT. Ini secara tidak langsung bermaksud tabarruk yang disertai iktiqad bahawa perbuatan ini paling mujarab atau tempat-tempat tertentu yang mampu memberi kesan kepada sesuatu hasil yang hajat maka ia dilarang.²⁵⁹

Justeru diringkaskan antara batas-batas lain yang perlu diperhalusi ketika melakukan amalan bertabarruk adalah seperti berikut:²⁶⁰

1. Tidak meletakkan iktiqad bahawa ada kekuatan lain yang boleh membantu kita selain Allah SWT.
2. Tidak meletakkan kaifiyat-kaifiyat tertentu yang tiada asas dalam dalil seperti apa yang perlu dilakukan ketika melawat tempat tersebut, atau menetapkan tarikh khusus.

²⁵⁶ Surah Al-A'raf, 7:96.

²⁵⁷ Ahmad Kusaeri (2017) *Berkah Dalam Perspektif Al-Qur'an: Kajian Tentang Objek Yang Mendapat Keberkahan*. 55.

²⁵⁸ Sahih Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail, No. Hadis 5444.

²⁵⁹ Mufti Wilayah Persekutuan, *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-730: Amalan Mengambil Berkah (Tabarruk) Menurut Islam*.

²⁶⁰ Ibid.

3. Tidak berlebih-lebihan dalam perbuatan ibadah atau tabarruk seperti memuat naik gambar ke dalam media sosial.
4. Mengutamakan mengambil faedah daripada warisan dan tinggalan orang soleh berupa ilmu dengan menelaah hasil-hasil karya mereka atau meneladani kehidupan melalui kisah-kisah hidup mereka.

Kesimpulan

Golongan para wali Allah merupakan golongan yang dekat dan hampir kepada Allah SWT berlandaskan keimanan dan ketakwaan mereka. Menurut al-Hujwiri, Allah SWT telah menjadikan wali sebagai penguasa alam. Mereka sepenuhnya mengabdikan kepada perintah Allah SWT dan tidak mengikut kehendak hawa nafsu mereka, sehingga kehadiran mereka membawa manfaat kepada manusia. Melalui berkah kedatangan mereka, hujan turun dari langit, melalui kesucian hidup mereka, tumbuh-tumbuhan tumbuh di bumi, melalui pengaruh rohani mereka, kaum muslimin memperoleh kemenangan atas kaum kafir.²⁶¹ Mereka berkuasa mengurus alam semesta dan menciptakan kesejahteraan bagi umat manusia. Jelaslah bahawa Allah SWT mengkhususkan sebahagian makhluknya dengan keutamaan dan keberkatan yang dikehendakinya, pada mereka terdapat banyak rahmat Allah SWT yang orang-orang mukmin perlu mencari sebanyak-banyaknya.

Oleh yang demikian, tidak diragukan akan ada kebaikan dan keberkahan di dalam bertabarruk, kerana berkah membawa maksud bertambahnya nilai sesuatu kebaikan selagi mana keberkahan tersebut bertujuan semata-mata untuk meminta kepada Allah SWT, maka ia diperbolehkan, sementara orang-orang soleh hanyalah perantara. Namun, setiap perbuatan tabarruk dengan sesuatu hendaklah disertai dengan keimanan bahawa tidak ada yang dapat memberi manfaat atau mudharat kepadanya melainkan Allah SWT. Tambahan pula, ulama' yang mengharuskan amalan tabarruk ini juga mensyaratkan agar perbuatan bertabarruk tersebut selamat daripada fitnah.²⁶² Oleh itu, umat Islam perlulah berwaspada dalam melakukan perbuatan bertabarruk supaya tidak berlebih-lebihan atau melampau dalam mengambil berkat sehingga boleh mendatangkan fitnah dan menjauhi kepercayaan yang boleh menyirikkan Allah SWT.

Rujukan

Al-Quran

Ahmad, R. (2022). "Pemahaman Syeikh 'Ali> Jum'ah Pada Hadis-Hadis Tentang Tabarruk Dalam Kitab Al-Mutasyaddidun Manha>Juhum Wa Munaqasyat Qadyuhum". Doctoral Dissertation, Uin Sunan Kalijaga Yogyakarta.

²⁶¹ Nasrullah Nashiruddin, Tasmin Tangngareng & Mukhlis Mukhtar (2021) *Konsep Tabarruk Dalam Perspektif Hadits*. 395.

²⁶² Mufti Wilayah Persekutuan, *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-730: Amalan Mengambil Berkat (Tabarruk) Menurut Islam*.

- Andriani, F. (2020). "Tabarruk Dan Barakah Dalam Berbagai Perspektif". Syaikhuna: Jurnal Pendidikan dan Pranata Islam, 11(2), 243-260.
- Hasanah, N. (2018). "Keberkahan Sebagai Formulasi Mashlahah Dalam Kehidupan (Refleksi Santri Di Pesantren)". Jurnal Qiema (Qomaruddin Islamic Economics Magazine), 4(2), 129-142.
- Kamaruddin, K., Rahman, A. A., & Mat Dali, N.F. (2022). "Konsep Tabarruk Dalam Perbahasan Islam." The International Journal of Islamic Studies and Culture (IJISC), 1, 19-20.
- Kusaeri, A. (2017). "Berkah Dalam Perspektif Al-Qur'an: Kajian Tentang Objek Yang Mendapat Keberkahan. Fakultas Ushuluddin Dan Filsafat". Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta. 55-56.
- Luthfi, H. (2019). "Halal-Haram Tabarruk." Rumah Fiqih Publishing, 16-17.
- Media Permata. 2021. "Tabarruk itu disyariatkan, jadikan keutamaan dalam hidup". <https://mediapermata.com.bn/tabarruk-itu-disyariatkan-jadikan-keutamaan-dalam-hidup-2/> (12 Ogos 2023).
- Nashiruddin, N., Tangngareng, T., & Mukhtar, M. (2021). "Konsep Tabarruk dalam Perspektif Hadits". Al-Afkar, Journal for Islamic Studies, 4(2), 390-403.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2022. "Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-730: Amalan Mengambil Berkat (Tabarruk) Menurut Islam". <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/5462-irsyad-al-fatwa-siri-ke-730-amalan-mengambil-berkat-tabarruk-menurut-islam> (9 Ogos 2023).
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). "Al Kafi #1035: Hukum Minta Orang Soleh Doakan". <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3004-al-kafi-1035-hukum-minta-orang-soleh-doakan> (25 Ogos 2023).
- Purnama, Y. (2021). "Hukum Tabarruk Dengan Jasad dan Kuburan Orang Shalih". 1, 9-16.
- Rizal, S. (2022). "Konsep Tabarruk Menurut Fakhruddin Ar-Razi Dalam Tafsir Mafatihul Ghaib". Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Kudus. 53-54.
- Saidina, S. W., & Luqman, A. S. (2022). "Hukum Tabaruk Dan Menziarahi Makam Ulama Syaikh Abdul Wahab Rokan Dalam Prespektif Mazhab Imam Syafi'I". Mediation: Journal of Law, 18-27.
- Siregar, R. P. (2021). "Konsep Tabarruk Dan Faedahnya Dalam Kitab Sunan Abu Daud (Studi Takhrij Sanad Dan Kritik Matan)". Fakultas Ushuluddin Dan Studi Islam Universitas Islam Negeri Sumatera Medan.
- Tammulis, T., Galib M, M., & Abubakar, A. (2021). "Jabat Tangan Dengan Cium Tangan Kyai Untuk Keberkahan Dalam Perspektif Quran". Ulumuddin: Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman, 11(1), 115-128.

Wasath, G. “Al Tabarruk Inda Al-Syaikh Muhammad Ibn Alawi Al-Maliki”. Bachelor's Thesis, Fakultas Dirasat Islamiah.

Yuzaidi M.TH. (2021). “Pengamalan Tabarruk Dalam Pengajian Al-Ubudiyah Di Desa Tembung Kecamatan Percut Sei Tuan Kabupaten Deli Serdang”. Fakultas Ushuluddin Dan Studi Islam. 30-32.

Zaelani, M. R. (2022). “Konsep Berkah Dalam Pandangan Ahlussunnah: Analisis Syarah Hadis Tentang Tabarruk”. *Jurnal Penelitian Ilmu Ushuluddin*, 2(2), 235-249.